# LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

## KALKULATOR PCB

# MANUAL PENGGUNA

**KANDUNGAN**

**1.0 PENGENALAN ........................................................................ 3**

1.1 Fungsi Kalkulator PCB ........................................................................ 3

1.2 Akses Kalkulator PCB ........................................................................ 4

**2.0 PENGUNAAN APPLIKASI KALKULATOR PCB ........................... 6**

2.1 Maklumat Diri ........................................................................ 6

2.2 Saraan/PCB/Rebat/Potongan Terkumpul Bulan Sebelum Dalam Tahun Semasa (Termasuk Di Majikan Lama) ........................................................ 7

2.3 Maklumat Saraan Bulan Semasa ........................................................ 8

2.4 Maklumat Tuntutan Potongan Bulan Semasa ........................................ 9

2.5 Maklumat Rebet/Fi/Levi Bulan Semasa ........................................ 10

**3.0 PENGIRAAN PCB ........................................................................ 11**

3.1 Cara Pengiraan ........................................................................ 11

**4.0 CETAKAN ........................................................................ 18**

**5.0 SIMPAN DATA PENGIRAAN PCB ................................................ 19**

## 1.0 PENGENALAN

Sistem Kalkulator PCB (Potongan Cukai Bulanan) merupakan sistem sokongan untuk membantu majikan dan pekerja mengira PCB setiap bulan. Sistem ini dibangunkan dalam aplikasi sesawang (web) dan setiap pengguna boleh mengakses kemudahan sistem ini melalui laman sesawang LHDNM di http://www.hasil.gov.my.

### 1.1 Fungsi Kalkulator PCB adalah-

1.1.1 Membuat pengiraan PCB untuk saraan biasa setiap bulan

1.1.2 Membuat pengiraan PCB untuk saraan biasa dan saraan tambahan seperti bonus, tunggakan gaji, komisen dan sebagainya.

1.1.3 Membuat pengiraan bagi pekerja tidak bermastautin

1.1.4 Membolehkan majikan dan pekerja menyemak dan mencetak pengiraan PCB

## 1.2 Akses Kalkulator PCB

Sila layari laman sesawang LHDNM di alamat [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my), setelah berjaya memasuki laman sesawang LHDNM, skrin di bawah akan di paparkan.




Sila klik ikon ”Kalkulator PCB” untuk mengakses sistem Kalkulator PCB.

Skrin di bawah akan dipaparkan :




Klik pada pilihan yang berkaitan untuk mengakses ke aplikasi kalkulator PCB

Sila klik untuk memuat turun manual pengguna.

Sila klik jika kali pertama bekerja atau mulakan penggajian.

Sila klik untuk memuat turun Borang PCB TP2.

Sila klik sekiranya pernah bekerja sebelum ini sama ada dimajikan lama atau baru.

Sila klik untuk memuat turun Borang PCB TP1.

Sila klik untuk menukar bahasa kepada bahasa inggeris.

Sila klik untuk melihat penerangan berkenaan jadual PCB bagi tahun 2009.

## 2.0 PENGGUNAAN APLIKASI KALKULATOR PCB

### 2.1 Maklumat Diri

Masukkan maklumat seperti nama. Nombor pengenalan diri seperti No. KP baru, No. KP lama (bukan mandatori) dan bulan/tahun potongan. Jika untuk tujuan tuntutan potongan kepada majikan, maklumat Nama, No. pengenalan diri adalah diperlukan.

Sekiranya ingin mengetahui lebih lanjut maklumat yang dikehendaki oleh sistem sila klik ikon untuk keterangan lanjut.




Tentukan status perkahwinan pekerja




Tentukan taraf mastautin pekerja. Sistem telah default sebagai mastautin. Oleh itu, sila ubah jika perlu. Jika bukan pemastautin pengiraan PCB adalah pada kadar 27% daripada saraan kasar pekerja.



| Anak (Kandung/Tiri/Angkat) - Masukkan bilangan anak mengikut kategori di bawah | Bilangan Anak Yang Dituntut Oleh Diri Sendiri | |
|---|---|---|
| | Kadar Kelayakan | |
| | 100% | 50% |
| (a) Dibawah 18 Tahun | 0 | 0 |
| (b) 18 Tahun dan ke atas yang masih belajar (Sijil/Matrikulasi) | 0 | 0 |
| (c) Diploma ke atas (Malaysia) / Ijazah ke atas (luar Malaysia) | 0 | 0 |
| (d) Kurang Upaya | 0 | 0 |
| (e) Kurang Upaya Belajar di IPT | 0 | 0 |

Masukkan bilangan anak di dalam medan yang disediakan. Jumlah bilangan anak akan bergantung kepada kategori anak sama ada di bawah 18 tahun atau ke atas dan jenis pengajian yang diambil.

## 2.2 Saraan/PCB/Rebat/Potongan Terkumpul Bulan Sebelum Dalam Tahun Semasa (Termasuk Di Majikan Lama)



| SARAAN/PCB/REBAT/POTONGAN TERKUMPUL BULAN SEBELUM DALAM TAHUN SEMASA (TERMASUK DI MAJIKAN LAMA) | RM | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| Saraan terkumpul | 0.00 | |
| KWSP dan premium insurans nyawa terkumpul | 0.00 | |
| Saraan bersih terkumpul | | 0.00 |
| PCB bulanan terkumpul yang telah dibayar (termasuk PCB saraan tambahan) | | 0.00 |
| Jumlah terkumpul zakat/fi/levi yang telah dibayar | | 0.00 |
| Lain-lain potongan terkumpul Sila Klik | | |

i. Maklumat saraan terkumpul yang telah dibayar pada bulan sebelum dalam tahun semasa hendaklah diisi. Saraan terkumpul adalah termasuk saraan tambahan yang telah di bayar pada bulan sebelum atau di majikan lama.

ii. KWSP dan premium insuran nyawa terkumpul yang telah dibayar hendaklah diisi dalam medan yang disediakan. PCB bulanan dan zakat/fi/levi terkumpul yang telah dibayar hendaklah diisi dalam medan yang telah disediakan (jika ada).

iii. Sekiranya maklumat di atas tidak diisi sistem akan mengeluarkan kotak mesej dan pengiraan tidak akan dikira oleh sistem.

iv. Maklumat saraan terkumpul hanya perlu diisi jika pekerja telah memilih pernah bekerja pada bulan sebelum, iaitu ketika **Klik ”PERNAH BEKERJA SEBELUM INI DALAM TAHUN SEMASA” di perenggan 1.2.**

## 2.3 Maklumat Saraan Bulan Semasa

| SARAAN BULAN SEMASA | RM | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| Saraan bulan semasa | 0.00 | |
| KWSP saraan bulan semasa [*terhad RM6000 setahun*] | 0.00 | |
| Jumlah saraan bersih bulan semasa | | 0.00 |
| **Manfaat Berupa Barangan (MBB)** | | 0.00 |
| **Nilai Tempat Kediaman (NTK)** | | 0.00 |
| SARAAN TAMBAHAN BULAN SEMASA | RM | JUMLAH (RM) |
| *(Saraan tambahan merupakan saraan yang diterima selain daripada saraan bulanan biasa. Rujuk nota penerangan Jadual PCB untuk penerangan lanjut saraan tambahan).* | | |
| (a) Bonus | 0.00 | |
| (b) Tunggakan | 0.00 | |
| (c) Komisen | 0.00 | |
| (d) Ganjaran | 0.00 | |
| (e) Pampasan | 0.00 | |
| (f) Yuran pengarah | 0.00 | |
| (g) Bayaran kerja lebih masa (OT) | 0.00 | |
| (h) Lain-lain | 0.00 | |
| (i) Jumlah saraan tambahan (a) hingga (h) | 0.00 | |
| (j) KWSP saraan tambahan [*terhad RM6000 setahun*] (a) hingga (h) | 0.00 | |
| (k) Jumlah saraan tambahan bersih [(i)-(j)] | | 0.00 |

i. Maklumat saraan semasa hendaklah diisi dalam medan yang disediakan. Sila rujuk nota penerangan Jadual PCB 2009 berkenaan kategori saraan biasa bulan semasa dan saraan tambahan.

ii. Maklumat KWSP saraan semasa hendaklah diisi di dalam medan yang disediakan. Jumlah KWSP bulan semasa , KWSP dan Premium Insurans Nyawa Terkumpul dan potongan Premium Insurans Nyawa semasa adalah terhad kepada RM6000 setahun.

iii. Maklumat saraan tambahan hendaklah diisi mengikut medan yang disediakan. Sekiranya saraan tambahan tidak disenaraikan dalam medan yang disediakan, saraan tambahan tersebut hendaklah diletakkan dalam medan Lain-lain.

iv. Untuk memasukkan nilai Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK), pekerja hendaklah menngisi Borang TP2 dan mengemukakan maklumat kepada majikan untuk pengiraan PCB.

v. Untuk menentukan nilai MBB dan NTK sila rujuk nota penerangan Jadual PCB 2009 dan Nota Penerangan di dalam Borang TP2

## 2.4 Maklumat Tuntutan Potongan Bulan Semasa

| POTONGAN BULAN SEMASA | | RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan perubatan ibu bapa ke atas penyakit yang disahkan oleh pengamal perubatan [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 |
| Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami/isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 |
| Yuran pendidikan (sendiri) [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 |
| Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati atas diri sendiri, suami / isteri atau anak [*terhad kepada RM5000 setahun*] | (a) 0.00 | |
| Pemeriksaan perubatan penuh atas diri sendiri, suami / isteri atau anak [*terhad kepada RM500 setahun*] | (b) 0.00 | |
| Jumlah a + b [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 |
| Pembelian buku/majalah/jurnal/penerbitan untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak [*terhad kepada RM1000 setahun*] | | 0.00 |
| Pembelian komputer peribadi untuk individu (potongan dibenarkan sekali dalam setiap 3 tahun) [*terhad kepada RM3000*] | | 0.00 |
| Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) [*terhad kepada RM3000 setahun*] | | 0.00 |
| Peralatan sukan [*terhad kepada RM300 setahun*] | | 0.00 |
| Bayaran alimoni kepada bekas isteri[*terhad kepada RM3000 setahun*] | | 0.00 |
| Premium insurans nyawa [*terhad RM6000 setahun termasuk KWSP*] | | 0.00 |
| Premium insurans pendidikan dan perubatan [*terhad kepada RM3000 setahun*] | | 0.00 |

i. Sekiranya ada tuntutan potongan dibuat untuk bulan semasa, amaun tuntutan hendaklah diisi mengikut jenis tuntutan yang dikehendaki.

ii. Untuk tujuan tuntutan dengan pihak majikan, pekerja hendaklah mengisi Borang TP1 untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun ianya adalah **tertakluk kepada persetujuan majikan**.

iii. Setiap tuntutan mempunyai had maksimum setahun yang dibenarkan. Oleh itu, pekerja hendaklah memastikan tuntutan potongan yang dibuat adalah tidak melebihi maksimum yang ditetapkan.

iv. Di dalam Borang TP1, maklumat terkumpul potongan hendaklah diisi oleh pekerja untuk memastikan mereka membuat tuntutan potongan yang betul pada bulan semasa.

## 2.5 Maklumat Rebat Bulan Semasa


| MAKLUMAT REBAT BULAN SEMASA | RM |
|---|---|
| Zakat atau Fitrah | 0.00 |
| Fi / Levi yang dibayar oleh pemegang Pas Penggajian, Pas Lawatan (Kerja Sementara) | 0.00 |

KIRA

i. Masukkan amaun rebat Zakat/fi/levi yang dibelanjakan pada bulan semasa.

ii. Tiada had maksimum yang ditetapkan.

iii. Untuk membolehkan pekerja membuat tuntutan rebat/fi/levi, pekerja hendaklah mengisi Borang TP1 untuk tujuan tuntutan. Bagaimanapun jika zakat dibayar pada setiap bulan melalui gaji, Borang TP1 tidak perlu diisi oleh pekerja.

# 3.0 PENGIRAAN PCB

## 3.1 Cara Pengiraan

Setelah semua maklumat dimasukkan di dalam medan yang disediakan. Klik butang [KIRA] untuk membolehkan sistem mengira PCB secara automatik. Pengiraan seperti contoh di perenggan 3.1.1.dan. 3.1.2 skrin di bawah akan dipaparkan.

### 3.1.1 Pengiraan PCB jika bermula bulan Januari

i. Maklumat medan saraan terkumpul bulan sebelum tidak akan dipaparkan.
ii. Maklumat medan Potongan/rebat/fi/levi dan PCB terkumpul pada bulan sebelum tidak akan dipaparkan.

LHDN MALAYSIA

**KALKULATOR PCB**
**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**NAMA** :

**NOMBOR PENGENALAN DIRI** :

**BULAN** : **JANUARI** **TAHUN** : **2009**

| | |
|---|---|
| **Status Pemastautin** | Pemastautin |
| **Status Perkahwinan** | Bujang/Pasangan Tidak Menuntut Pelepasan Anak |
| **Individu Kurang Upaya** | Tidak |
| **Pasangan Kurang Upaya** | Tidak |

| **Anak (kandung/tiri/angkat)**<br>-Masukkan bilangan anak mengikut kategori di bawah | **Bilangan anak yang dituntut oleh diri sendiri**<br>Kadar kelayakan | |
|---|---|---|
| | 100% | 50% |
| (a) Dibawah 18 tahun | 0 | 0 |
| (b) 18 tahun dan ke atas yang masih belajar(termasuk sijil/matrikulasi) | 0 | 0 |
| (c) Diploma ke atas (Malaysia) / Ijazah ke atas (luar Malaysia) | 0 | 0 |
| (d) Kurang upaya | 0 | 0 |
| (e) Kurang upaya belajar di IPT | 0 | 0 |

| SARAAN BULAN SEMASA | (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| Saraan bulan semasa | 3000.00 | |
| KWSP saraan bulan semasa [*terhad RM6000 setahun*] | 330.00 | |
| Jumlah saraan bersih bulan semasa | | 2670.00 |
| **Manfaat Berupa Barangan (MBB)** | | 0.00 |
| **Nilai Tempat Kediaman (NTK)** | | 0.00 |

| SARAAN TAMBAHAN BULAN SEMASA | (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| *(Saraan tambahan merupakan saraan yang diterima selain daripada saraan bulanan biasa. Rujuk nota penerangan Jadual PCB untuk penerangan lanjut saraan tambahan).* | | |
| (a) Bonus | 0.00 | |
| (b) Tunggakan | 0.00 | |
| (c) Komisen | 0.00 | |
| (d) Ganjaran | 0.00 | |
| (e) Pampasan | 0.00 | |
| (f) Yuran pengarah | 0.00 | |
| (g) Bayaran kerja lebih masa (OT) | 0.00 | |
| (h) Lain-lain | 0.00 | |
| (i) Jumlah saraan tambahan (a) hingga (h) | 0.00 | |
| (j) KWSP saraan tambahan [*terhad RM6000 setahun*] (a) hingga (h) | 0.00 | |
| (k) Jumlah saraan tambahan bersih [(i)-(j)] | | 0.00 |

| POTONGAN BULAN SEMASA | | (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|
| Perbelanjaan perubatan ibu bapa ke atas penyakit yang disahkan oleh pengamal perubatan | | 0.00 | |
| Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami/isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya | | 0.00 | |
| Yuran pendidikan (sendiri) | | 0.00 | |
| Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati atas diri sendiri, suami / isteri atau anak | (a) 0.00 | | |
| Pemeriksaan perubatan penuh atas diri sendiri, suami / isteri atau anak | (b) 0.00 | | |
| Jumlah a + b | | 0.00 | |
| Pembelian buku/majalah/jurnal/penerbitan untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak | | 0.00 | |
| Pembelian komputer peribadi untuk individu (potongan dibenarkan sekali dalam setiap 3 tahun) | | 0.00 | |
| Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) | | 0.00 | |
| Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 | | 0.00 | |
| Bayaran alimoni kepada bekas isteri | | 0.00 | |
| Premium insurans nyawa | | 0.00 | |
| Premium insurans pendidikan dan perubatan | | 0.00 | |
| | | | 0.00 |

Klik disini




### 3.1.2 Paparan Langkah – Langkah Pengiraan PCB

Sekirannya ingin mengetahui langkah pengiraan PCB, pengguna bolehlah Klik 

untuk sistem memaparkan langkah pengiraan PCB seperti di bawah.

PENGIRAAN PCB Sila Klik

**1. PCB Ke Atas Saraan Bersih Setahun Tidak Termasuk Saraan Tambahan:** JUMLAH (RM)

PCB (A) = [((P-M)* R + B - ( Z + X) )/n+1] - Zakat/Fi/Levi Bulan Semasa

P = Jumlah pendapatan bercukai untuk setahun tidak termasuk saraan tambahan semasa
$[\Sigma(Y-K)+(Y_1-K_1)+[(Y_2-K_2)* n] + (Y_t-K_t)]-(D+S+C+\Sigma LP+LP_1)$

| | |
|---|---|
| $\Sigma(Y-K)$ = Jumlah saraan bersih terkumpul termasuk saraan tambahan yang telah dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa termasuk saraan bersih yang dibayar oleh majikan lama (sekiranya ada); | 0.00 |
| Y = Jumlah saraan kasar bulanan dan saraan tambahan yang telah dibayar termasuk saraan kasar bulanan yang telah dibayar oleh majikan lama (sekiranya ada); | 0.00 |
| K = Jumlah caruman KWSP atau Kumpulan Wang Lain Yang Diluluskan yang telah dibuat atas semua saraan (saraan bulanan, saraan tambahan dan saraan daripada majikan terdahulu) dan premium insurans nyawa yang telah dibayar (termasuk premium yang dituntut daripada pengajian terdahulu, sekiranya ada) tidak melebihi RM6,000.00 setahun; | 0.00 |
| $Y_1$ = Saraan biasa bulan semasa; | 3,000.00 |
| $K_1$ = Caruman KWSP atau Kumpulan Wang Lain Yang Diluluskan dan premium insurans nyawa mengikut jumlah yang layak bagi saraan bulan semasa tidak melebihi RM6,000.00 setahun; | 330.00 |
| $Y_2$ = Anggaran saraan seperti $Y_1$ untuk bulan seterusnya; | 3,000.00 |
| $K_2$ = Anggaran baki jumlah KWSP atau Kumpulan Wang Lain Yang Diluluskan bagi baki bulan yang layak [[RM6,000 (Terhad) - $(K + K_1 + K_t)$]/n] atau $K_1$, yang mana lebih rendah; | 330.00 |
| $Y_t$ = Saraan tambahan kasar bulan semasa; | 0.00 |
| $K_t$ = Caruman KWSP atau Kumpulan Wang Lain Yang Diluluskan bagi saraan tambahan bulan semasa mengikut jumlah yang layak tidak melebihi RM6,000.00 setahun; | 0.00 |
| n = Baki bulan bekerja dalam setahun; | 11 |
| n + 1 = Baki bulan bekerja dalam setahun termasuk bulan semasa; | 12 |
| D = Potongan individu sebanyak RM8,000.00; | 8000.00 |
| S = Potongan pasangan; | 0.00 |
| C = Potongan anak | 0.00 |
| $\Sigma LP$ = Lain-lain potongan terkumpul yang telah dibenarkan termasuk daripada penggajian terdahulu, (sekiranya ada); | 0.00 |
| $LP_1$ = Lain-lain potongan bulan semasa yang dibenarkan (termasuk potongan individu /pasangan kurang upaya, sekiranya ada); | 0.00 |



| | | | |
|---|---|---|---|
| P | = | [Σ(0.00-0.00)+(3,000.00-330.00)+[(3,000.00-330.00)* 11] + (0-0)]-(8000.00+0.00+0.00+0.00+0.00) | 24,040.00 |
| M | = | Amaun pendapatan bercukai yang pertama bagi setiap banjaran pendapatan bercukai setahun; | 20,000.00 |
| R | = | Kadar peratusan cukai; | 0.07 |
| B | = | Amaun cukai atas jumlah M selepas tolak rebat cukai individu dan pasangan (sekiranya layak); | 75.00 |
| Z | = | Fi/Zakat terkumpul yang telah dibayar tidak termasuk fi/zakat bulan semasa; | 0.00 |
| X | = | PCB terkumpul yang telah dibayar pada bulan sebelum termasuk daripada penggajian terdahulu ( termasuk PCB saraan tambahan); | 0.00 |
| PCB Bulan Semasa | = | [(24,040.00-20,000.00)* 0.07 + (75.00 ) -( 0.00 + 0.00 )]/(11 +1) = 29.81 | 29.81 |
| PCB Bersih /PCB (A) | = | PCB Bulan Semasa - (0.00+0.00) | 29.81 |

**2. PCB Perlu dipotong :**

| | | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| PCB | = | 29.81 |

| HASIL PENGIRAAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|
| **PCB Bulan JANUARI Perlu Dipotong (setelah dibundarkan ke perpuluhan atas yang terdekat)** | **29.85** |

Nota : PCB bagi setiap bulan bermula pada bulan FEBRUARI sehingga bulan DISEMBER adalah RM 29.85 sekiranya tiada perubahan saraan, potongan dan rebat .

Cetak | Kemaskini | Semula | Keluar

Hak Cipta Terpelihara © Unit e-Apps ,Bahagian Aplikasi e-Services, Lembaga Hasil Dalam Negeri.
Paling Sesuai Menggunakan IE.

Sistem akan memaparkan jumlah PCB yang perlu dipotong daripada saraan pekerja pada bulan berkenaan.

Sistem akan memaparkan NOTA seperti ini untuk memaklumkan kepada pengguna jika sekiranya pada bulan akan datang [***bulan dari sehingga bila akan dipaprkan oleh sistem***] tiada perubahan saraan, tuntutan potongan dan rebat maka PCB adalah seperti yang dinyatakan oleh sistem.

Ini bermakna, PCB yang akan dipotong pada bulan seterusnya adalah sama dan tidak perlu untuk gunakan Kalkulator PCB untuk mengira PCB.

Nilai sen akan digenapkan ke nilai 5 sen tertinggi

### 3.1.3 Pengiraan PCB Selain Bulan Januari dan Pernah Bekerja pada Bulan Sebelum

i. Sistem akan paparkan medan maklumat saraan terkumpul pada bulan sebelum dalam tahun semasa

ii. Sistem akan paparkan medan Potongan/rebat/fi/levi dan PCB terkumpul pada bulan sebelum dalam tahun semasa.


NAMA

NOMBOR PENGENALAN DIRI

BULAN OKTOBER TAHUN 2009

Status Pemastautin — Pemastautin / Bukan Pemastautin

Status Perkahwinan — Pilih

*(Tandakan yang berkenaan)*

Individu Kurang Upaya — Ya / Tidak

Pasangan Kurang Upaya — Ya / Tidak

**Anak (kandung/tiri/angkat)** — Bilangan anak yang dituntut oleh diri sendiri

- Masukkan bilangan anak mengikut kategori di bawah

| Kadar kelayakan | 100% | 50% |
|---|---|---|
| (a) Dibawah 18 tahun | 0 | 0 |
| (b) 18 tahun dan ke atas yang masih belajar (termasuk sijil/matrikulasi) | 0 | 0 |
| (c) Diploma ke atas (Malaysia) / Ijazah ke atas (luar Malaysia) | 0 | 0 |
| (d) Kurang upaya | 0 | 0 |
| (e) Kurang upaya belajar di IPT | 0 | 0 |

| SARAAN/PCB/REBAT/POTONGAN TERKUMPUL BULAN SEBELUM DALAM TAHUN SEMASA (TERMASUK DI MAJIKAN LAMA) | RM | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| Saraan terkumpul | 0.00 | |
| KWSP dan premium insurans nyawa terkumpul | 0.00 | |
| Saraan bersih terkumpul | | 0.00 |
| PCB bulanan terkumpul yang telah dibayar (termasuk PCB saraan tambahan) | | 0.00 |
| Jumlah terkumpul zakat/fi/levi yang telah dibayar | | 0.00 |
| Lain-lain potongan terkumpul — Sila Klik | | |

Klik pada ikon Sila Klik untuk memaparkan bahagian lain-lain potongan terkumpul seperti yang dipaparkan dibawah:

| Lain-lain potongan terkumpul Sila Klik | | | |
|---|---|---|---|
| Perbelanjaan perubatan ibu bapa ke atas penyakit yang disahkan oleh pengamal perubatan [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 | |
| Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami/isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 | |
| Yuran pendidikan (sendiri) [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 | |
| Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati atas diri sendiri, suami / isteri atau anak [*terhad kepada RM5000 setahun*] (a) | 0.00 | | |
| Pemeriksaan perubatan penuh atas diri sendiri, suami / isteri atau anak [*terhad kepada RM500 setahun*] (b) | 0.00 | | |
| Jumlah a + b [*terhad kepada RM5000 setahun*] | | 0.00 | |
| Pembelian buku/majalah/jurnal/penerbitan untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak [*terhad kepada RM1000 setahun*] | | 0.00 | |
| Pembelian komputer peribadi untuk individu (potongan dibenarkan sekali dalam setiap 3 tahun) [*terhad kepada RM3000*] | | 0.00 | |
| Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) [*terhad kepada RM3000 setahun*] | | 0.00 | |
| Peralatan sukan [*terhad kepada RM300 setahun*] | | 0.00 | |
| Bayaran alimoni kepada bekas isteri[*terhad kepada RM3000 setahun*] | | 0.00 | |
| Premium insurans nyawa [*terhad RM6000 setahun termasuk KWSP*] | | 0.00 | |
| Premium insurans pendidikan dan perubatan [*terhad kepada RM3000 setahun*] | | 0.00 | |
| Jumlah potongan terkumpul | | | 0.00 |

## 4.0 CETAKAN

Pengguna juga boleh mencetak pengiraan yang dipaparkan oleh sistem dengan Klik butang Cetak di skrin di bawah:-




Setelah Klik butang cetak skrin dibawah akan dipaparkan untuk membolehkan pengguna membuat pilihan jenis Printer yang dikehendaki.



## 5.0 SIMPAN DATA PENGIRAAN PCB

Untuk menyimpan data pengiraan PCB, pengguna boleh Klik File==>Save As dan skrin *Save Webpage* akan dipaparkan. Pengguna bolehlah membuat pilihan untuk menyimpan dokumen yang dikehendaki.




